

Dasar dinasti Rajapaksa undang malapetaka kepada Sri Lanka

Dinasti keluarga Rajapaksa bermula sejak zaman British dan berterusan selepas peninggalan penjajah pada 1948, kini menyaksikan generasi Chamal Rajapaksa, Mahinda Rajapaksa, Basil Rajapaksa dan Gotabaya Rajapaksa mendominasi dinasti itu selama 25 tahun.

Gotabaya berada di puncak kerjaya politiknya dengan gelaran 'Terminator' atau pemusnah berikutan kejayaannya menghancurkan kumpulan pemberontak Harimau Pembebasan Tamil Elam (LTTE) pada 2009 selepas 'peperangan' lebih tiga dekad.

Ketika itu, beliau bertugas sebagai pegawai pertahanan ketika abangnya, Mahinda Rajapaksa, memimpin Sri Lanka sebagai Presiden.

Kewibawaan Gotabaya mengangkat semula keluarga itu, yang disingkirkan daripada jawatan pada 2015, tetapi kembali berkuasa empat tahun kemudian, selepas tindakan ganas mereka menangani pengebom berani mati yang menyerang gereja di Colombo.

Kali ini, Gotabaya, 73, menjadi Presiden dan melantik Mahinda, 76, sebagai Perdana Menteri, dengan menjanjikan 'masa depan yang makmur dan megah.'

terbesar hutang Sri Lanka yang semakin melonjak, menyumbang kira-kira 10 peratus, hampir sama dengan Jepun, tetapi dengan negara komunis itu mengenakan syarat lebih membebankan.

Berbilion-bilion dolar mengalir masuk dan banyak projek 'gajah putih' dilaksanakan secara berleluasa di ibu negara, Colombo.

Disebabkan itu, Rajapaksa menggadaikan kedaulatan Sri Lanka sebagai cagar, mereka menggunakan pinjaman China untuk membiaya pembinaan sebuah pelabuhan di Hambantota, daerah asal mereka yang terletak di selatan.

Bagaimanapun pada 2017, Sri Lanka terpaksa menyerahkan pelabuhan dan 6,070 hektar lagi tanah bersebelahan kepada China dengan 'pajakan 99 tahun apabila ia tidak lagi dapat menampung pembayaran balik hutang projek itu.

Walaupun sebahagian besar anggota keluarga Rajapaksa kalah pada pilihan raya 2015 dan tidak lagi berkuasa, nasi sudah menjadi bubur kerana China sekarang sudah pun bertapak kukuh di Lautan Hindi, sekali gus mengundang kemarahan negara Asia Selatan lain, terutama India yang berjiran.

Bagaimanapun, masih ada talian hayat bagi Ra-

Menghadapi krisis imbalan pembayaran, kerajaan bertindak mengharamkan import kenderaan bermotor dan baja sintetik serta racun perosak untuk menyelamatkan mata wang tunai dan dengan sekelip mata mengumumkan peralihan dasar kerajaan kepada pertanian organik sepenuhnya.

Terjebak penjajahan ekonomi China

Hasilnya, hanya malapetaka berganda dan malang menimpa lagi kerana pengeluaran teh yang menjadi sumber utama hasil eksport merosot kira-kira 18 peratus dan pengeluaran bijirin turun 43 peratus.

Kerajaan menjimatkan AS\$400 juta (RM1.77 bilion) dengan mengharamkan baja asing, tetapi terpaksa membelanjakan AS\$450 juta (RM1.99 bilion) untuk mengimport beras.

Tambah memudaratkan lagi apabila Russia menyerang Ukraine, mengakibatkan kenaikan harga komoditi, terutama bahan api, sekali gus menjunam negara ke dalam keadaan lebih huru-hara sehingga diisytiharkan mufli.

Sri Lanka menjadi pengajaran penting, yang menyaksikan rakyatnya membiarkan diri mereka terpedaya dengan fantasi kemakmuran Rajapaksa

Namun, sebaliknyanya gandingan mereka kali ini mengakibatkan inflasi melambung tinggi, kekurangan makanan dan bahan api yang teruk dengan bekalan elektrik terputus, manakala Sri Lanka berada di ambang kehancuran.

Punca malapetaka Sri Lanka didorong banyak sebab, antaranya kelemahan melunaskan kembali hutang, cita-cita geopolitik China, pandemik COVID-19, kegawatan pasaran makanan dan krisis bahan api global dicetuskan pencerobohan Russia ke atas Ukraine dan tidak ketinggalan, keangkuhan dan dasar melulu dinasti Rajapaksa.

Sabtu lalu, Gotabaya melarikan diri selepas beribu-ribu penunjuk perasaan menyerbu istana yang didudukinya dan beliau bersetuju meletak jawatar. Pengunduran secara mengaibkan itu adalah hampir sama seperti dilakukan abangnya, Mahinda yang meletak jawatan pada Mei lalu selepas kediaman rasminya diserbu kumpulan penunjuk perasaan yang berang.

Gotabaya hanyalah tokoh kecil sehingga Mahinda, pada 1970, mewarisi kerusi Parlimen yang dikosongkan bapanya, lima tahun sebelum itu.

Berkesempatan mengemudi pergolakan politik Sri Lanka selama beberapa dekad, Mahinda dengan pantas mengubah perwatakan daripada juara hak asasi manusia kepada etno-nasionalis tegar yang berhaluan kanan.

Ahli keluarga isi jawatan kerajaan

Apabila Mahinda memenangi jawatan Presiden pada 2005, beliau mengisi jawatan dalam kerajaan dengan lebih 40 ahli keluarga, termasuk Gotabaya dilantik mengetuai Kementerian Pertahanan, menerajui perang menghancurkan LTTE.

Kemenangan selepas tiga dekad berperang itu membuatkan keluarga Rajapaksa menjadi pujaan rakyat, membolehkan mereka mengetatkan cengkaman ke atas negara itu.

Pinjaman demi pinjaman dibuat untuk kepentingan peribadi, dengan China yang turut menabur wang di Nepal, Myanmar dan Pakistan, menjadi pembiaya utama, atas alasan mahu menjadikan Sri Lanka sebagai saingan kepada India di Asia Selatan.

Dengan kedudukan strategik di Lautan Hindi, Sri Lanka menjadi pusat rancangan China membuat Rajapaksa terpicat dengan pinjaman wang secara mudah.

China dengan cepat menjadi antara pemegang

rajapaksa pada 2019, apabila serangan penganas di beberapa lokasi serata Sri Lanka pada Ahad Paskah membunuh 269 orang, membangkitkan kembali semangat etno-nasionalis yang dipelopori mereka ketika menentang LTTE.

Justeru, dinasti Rajapaksa bangkit kembali dengan meletakkan anggota keluarga di semua kementerian dan jawatan kanan kerajaan yang penting, walaupun tiada kepakaran atau kemahiran.

Malah, kewangan negara itu yang sudah tidak menentu tidak menjadi halangan, mereka memperkenalkan potongan cukai melampau dalam usaha untuk merangsang ekonomi atau lebih tepat lagi, mengisi kocek sendiri.

Akibatnya, keputusan buruk dan nasib malang menyusul, sama seperti pemotongan cukai yang mengecilkan pendapatan kerajaan, pandemik COVID-19 memusnahkan industri pelancongan, sumber pendapatan penting Sri Lanka.

Gotabaya dengan pantas menghancurkan Rajapaksa menggunakan hutang daripada China, membuktikan pemimpin yang rakus amat mudah terjebak dalam 'penjajahan ekonomi' seperti ini.

Namun, jika boleh dikatakan sebagai hikmahnya, kemarahan yang dicetuskan oleh Rajapaksa berjaya sedikit sebanyak menyatukan rakyat di negara yang berantakan selama lebih setengah abad mengikut garis etnik.

Rajapaksa yang kini berada di Singapura akhirnya menyerahkan notifikasi meletak jawatan seperti diumumkan Speaker Parlimen Sri Lanka, Mahinda Yapa Abeywardana, semalam.

Perisytiharan rasmi itu menjadikan Rajapaksa - yang pernah dikenali sebagai *The Terminator* atas tindakan kerasnya terhadap kumpulan pemberontak Tamil sebelum ini - adalah pemimpin Sri Lanka yang pertama mengundurkan diri sejak ia melaksanakan pentadbiran Presiden Eksekutif pada 1978.

AGENSI



Penunjuk perasaan mengibarkan bendera selepas berjaya menyerbu masuk Pejabat Perdana Menteri di Colombo susulan pelbagai krisis melanda Sri Lanka.

(Foto EPA)